

MUQADDIMAH

Tarekat Alawiyah merupakan tarekat yang mudah, tidak perlu berbaiah, dan seadil-adil tarekat bagi mengikuti jalan Rasulullah SAW, ahli keluarganya, para sahabat RA dan tabi'in dalam menuju redha Allah SWT (Habib Alwi bin Tahir al-Haddad, 1991).

Tarekat ini sangat dominan di negeri Johor dan Pahang, Malaysia. Ini kerana, Mufti Negeri Johor yang pertama adalah keturunan Rasulullah SAW iaitu Habib Salim bin Ahmad al-Attas, yang dimakamkan di Bukit Mahmoodiah, Johor Bahru, Johor. Keluarga dan keturunan ahli bait ini ramai yang menetap di daerah Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru, juga di Singapura. Sumbangan mereka dalam perkembangan Islam di negeri ini tidaklah terhad dalam amalan tarekat bahkan mereka turut menyumbang dalam bidang pendidikan seperti pembinaan Madrasah al-Attas al-Arabiah di Wadi Hana, Johor Bahru, Johor pada tahun 1913M yang dibangunkan oleh Habib Hassan bin Ahmad al-Attas (w.1932M). Madrasah ini adalah sekolah arab pertama di negeri Johor dan telah melahirkan para sarjana yang menjadi pemimpin, mufti, kadi, guru agama, dan pendakwah.

NAMA TAREKAT ALAWIYAH

Tarekat ini dinamakan Tarekat Alawiyah atau Ba'alawi atau Ahli Bait Rasulullah SAW. Perkataan Alawi bersumber daripada jalur Saidina Ali bin Abi Talib RA, suami kepada Saidatina Fatimah RA, puteri Rasulullah SAW. Terdapat juga pandangan bahawa Alawi berasal dari nasab Alawi iaitu Alawi bin Ubaidillah bin Ahmad al-Muhajir Ila Allah (317H) bin Isa al-Rumi bin Muhammad bin Ali al-Uraidhi bin Jaafar al-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin Ali Zainal Abidin bin Hussin bin Ali bin Abi Talib. Beliau adalah keturunan yang ke 11 sampai kepada Rasulullah SAW.

NAMA KABILAH BA'ALAWI

Jalur keturunan Rasulullah SAW dari Saidina Hussin bin Ali memiliki nama kabilah yang ramai antaranya al-Idrus, al-Attas, al-Haddad, al-Habshi, Ben Yahya, Ben Salim, Ben Tahir, Ba Saudan, al-Alan, Jamalullail, Ba Harun dan sebagainya. Kebanyakan mereka ini menetap di Hadramaut, Yaman kesan dari penghijrahan moyang mereka iaitu al-Muhajir Ila Allah Ahmad bin Isa pada tahun 317H dari Baghdad ke Hajrain, Hadramaut, Yaman.

PENGASAS TAREKAT ALAWIYAH

Beliau ialah al-Faqih Muqaddam Muhammad bin Ali Ba'Alawi (w. 653H) merupakan generasi yang ke 18 sampai kepada Rasulullah SAW. Makam beliau terletak di tanah perkuburan Zanbal, Kota Tarim, Hadramaut, Yaman. Beliau mendapat ilmu tasawuf melalui guru secara ruhiyyah iaitu Imam Abu Madyan al-Maghribi (w.580H) yang tinggal di Maghribi tanpa bertemu dengan beliau secara zahir.

MANHAJ TAREKAT ALAWIYAH

Menurut Habib Alwi bin Tahir al-Haddad (w.1962M), bekas mufti Johor, dan Habib Zain bin Ibrahim bin Sumaith bahawa manhaj Tarekat Alawiyah pada zahirnya merujuk kepada Imam al-Ghazali manakala amalan batinnya (makam dan ahwal) merujuk kepada Imam Abu Hasan al-Shadzili.

Masuk gambar madrasah al-Attas

PRINSIP TAREKAT ALAWIYAH

5 prinsip utama menurut Habib Ahmad bin Zain al-Habshi ialah ilmu, amal, khauf, wara' dan ikhlas.

Pendapat kedua: 4 prinsip (umum) iaitu ilmu, amal, takhalli (menjauhkan diri dari sifat mazmumah), tahalli (menghias diri dengan sifat terpuji).

Menurut Habib Umar Hafiz bahawa dasar Tarekat Alawiyah ialah ilmu, suluk dan dakwah

BENTUK AMALAN KEROHANIAN DALAM TAREKAT ALAWIYAH

Terdapat lebih daripada 10 amalan kerohanian yang diaplikasikan dalam TA samada secara bersendirian atau berjemaah seperti membaca ratib (al-Idrus, al-Attas, al-Haddad, al-Ahdal, al-Mahdhar, dll), wirid (al-Syakran dan Wirid Syeikh Abu Bakar bin Salim), zikir, hizib, doa-doa, tahsin, selawat (nariyah, fateh, azhamiyah dll), istighfar (kabir, rejab dll), bacaan maulid (Daibaie, al-Habshi, Azab dll), qasidah, hadrah, khatam al-Quran, haul memperingati para nabi seperti Nabi Hud dan Rasulullah SAW dan lain-lain.

PENGASAS RATIB AL-ATTAS

Al-Qtub al-Anfas Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas (992H-1072H). Beliau lahir pada hari Khamis dan wafat juga pada hari Khamis.

Silsilah keturunan beliau; Habib Umar bin Abdul Rahman bin Aqil bin Salim bin Abdullah bin Abdul Rahman bin Abdullah bin Syeikh Abdul Rahman as-Saggaf bin Muhammad Maula Dawilah bin Ali bin Alawi bin Muhammad al-Faqih Muqaddam (w.653H) bin Ali bin Muhammad Sahib al-Mirbath (w.556H) bin Ali Khali Qasam bin Alawi bin Muhammad bin Alawi bin Ubaidillah bin Ahmad al Muhajir Ila Allah bin Isa bin Muhammad bin Ali bin Jaafar bin Ali Zainal Abidin bin Husin bin Ali bin Abi Talib. Silsilah nasab yang ke 29 sampai kepada Rasulullah SAW.

DALIL MENYINTAI KELUARGA RASULULLAH SAW

Sesungguhnya perintah menyintai dan menyantuni Rasulullah SAW dan ahli baitnya adalah kefarduan kepada setiap umat Islam berdasarkan firman Allah dalam Surah Syura, 42: 23, Surah Hud, 11: 73, Surah al-Ahzab, 33:33. Oleh yang demikian selawat yang indah dan lengkap adalah selawat ke atas nabi Muhammad dan seluruh ahli keluarganya sebagaimana selawat Ibrahimiyah yang dibaca dalam solat lima waktu ketika tahiyat dan lainnya.

KESIMPULAN

Tarekat Alawiyah adalah tarekat yang mudah dan adil jalan menuju keredhaan Allah SWT. Hal ini kerana kekuatan jalur ilmu dan keturunan dari ahli keluarga Rasulullah sehinggalah Baginda SAW. Sumbangan TA kepada pengaruh dan perkembangan Islam di Nusantara khususnya Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei adalah sangat besar tokoh-tokoh seperti kebanyakan wali 9, para mufti, para kadi, pembesar-pembesar negara dan negeri kebanyakan dari keturunan ahli bait Rasulullah SAW.

والله أعلم بالصواب

RUJUKAN

Al-Quran

Abaza, Mona. (1997). A Mosque of Arab Origin in Singapore: History, functions and networks. Archipel, 53(1), 61-83.

Habib Alwi bin Tahir al-Haddad (1991), Uqud al-Mas bi Manakib Imam Habib Ahmad bin Hassan bin Abdullah al-Attas, cetakan kerjaya, Singapura

Habib Zain bin Ibrahim bin Sumaith (2005) manhaj al-Sawi Syarah Usul Tarekat al-Sadah Aali Ba Alawi, Dar al-Ilmi Wa al-Dakwah, Tarim, Hadramaut, Yaman

Mohd Azman bin Mohsin (2017), Ratib al-Attas Amalan Dalam Tarekat Alawiyah di Masjid Habib Hassan Johor Bahru, UTM Skudai, Johor.

Syed Muhammad bin Alwi al-Maliki al-Hasani, (t.t)

Muhammad al-Insan al-Kamil, Haiaah al-Sofwah, Mekah

Gambar Kota Tarim



TAREKAT ALAWIYAH (TA) TAREKAT MUKTABARAH



TEAM R & D

BAHAGIAN PENYELIDIKAN

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru, Johor.

Telefon : 07-228 2944 Faks : 07-2244244

Email : bahagianpenyelidikan@gmail.com

Facebook : <http://Jainj.johor.gov.my/>